

Pertingkatkan keselamatan di tempat kerja

Tanggal 1 Mei setiap tahun, hampir seluruh negara dalam dunia, termasuk Malaysia akan menyambut Hari Pekerja. Sambutan Hari Pekerja ini dibuat bagi mengenang serta menghargai segala jasa, peranan serta pengorbanan pekerja.

Golongan itu sentiasa bertungkus lumus menyumbang tenaga bukan sahaja untuk menampung kehidupan seharian diri mereka serta keluarga, malah turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Hari ini iaitu 28 April pada setiap tahun juga, seluruh dunia akan menyambut Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (World OSH Day). Sambutan hari terbabit dilaksanakan bermula pada 2003 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Sambutan hari terbabit menekankan aspek pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan melalui kekuatan tripartite dan dialog sosial. Sambutan hari terbabit juga disambut sebagai memperingati mangsa kemalangan industri dan penyakit pekerjaan oleh kesatuan sekerja di serata dunia.

Sehubungan itu, ketika menyambut dua tarikh penting bagi setiap individu pekerja penting untuk semua, terutamanya majikan untuk memberi keutamaan dalam memelihara keselamatan serta kesejahteraan seseorang pekerja di tempat kerja.

Sering kedengaran kes kemalangan di tempat kerja yang membawa kepada kecederaan serta kehilangan nyawa.

Perkara terbabit berlaku kerana kurangnya kesedaran terhadap isu mengenai aspek keselamatan di tempat kerja ser-



Persekitaran tidak selamat punca berlaku kemalangan di tempat kerja.

(GAMBAR HIASAN)

ta sikap acuh tak acuh terhadap terhadap aspek keselamatan di tempat kerja.

Tidak dapat dinafikan, kerajaan banyak mewujudkan undang-undang dan peruntukan yang berkaitan dengan dunia pekerjaan, serta merangka pelbagai jenis dasar bagi melindungi hak serta kesihatan dan keselamatan seseorang pekerja dalam negara kita.

Keselamatan hak pekerja

Undang-undang, peraturan serta dasar sedia ada berkaitan dengan sistem pekerjaan dalam negara kita juga sentiasa digubal bagi memenuhi kehendak semasa bertujuan terus melindungi hak semua pekerja sama ada pekerja tempatan mahupun asing.

Ini dapat dilihat dengan jelas melalui peruntukan yang termaktub melalui Akta Kerja 1955 (Akta 265), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177), Akta Keselamatan dan

Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan lain-lain.

Namun, segala usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan baik jika masih terdapat individu atau organisasi yang bersikap tidak mengambil berat terhadap segala dasar dan undang-undang sedia ada bagi menjamin keselamatan pekerja.

Selain itu, aspek keselamatan di tempat kerja perlu menjadi perkara utama yang dititik beratkan oleh semua pihak sama ada pihak majikan mahupun pekerja itu sendiri bagi menjamin peningkatan produktiviti sesuatu organisasi.

Semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan segala prosedur operasi standard (SOP), dasar serta undang-undang yang membatik aspek keselamatan di tempat kerja yang telah ditetapkan dipatuhi pada sepan-

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarkan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bh.com.my

jang masa.

Pematuhan segala prosedur operasi standard (SOP), polisi serta undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan di tempat kerja penting bagi memastikan keselamatan semua pihak adalah terpelihara dan terjamin pada setiap masa.

Majikan dan pekerja perlu saling bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran mengenai aspek keselamatan di tempat kerja, kerana sebarang insiden kemalangan di sesebuah tempat kerja bukan sahaja akan menjejaskan individu terbabit malah akan memberi kesan dari segi kos operasi terhadap organisasi serta menjejaskan pendapatan semua pihak yang terbabit.

Aspek pencegahan kemalangan di tempat kerja akan menjadi lebih efektif dan berkesan sekiranya majikan dan pekerja sedar akan tanggungjawab yang perlu dimainkan, serta memahami kepentingan untuk mewujudkan sebuah tempat kerja yang lebih selamat untuk semua.

 **Dr Muzaffar Syah Mallow**,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).